




PERANGKAAN GETAH BULANAN, JULAI 2025

PENGELUARAN GETAH ASLI

↑ 36.7%



HARGA PURATA (sen/kg)



G.M.M 20

JULAI 2025: 723.57
JUN 2025: 664.79

↑ 8.8%



Lateks Pekat


JULAI 2025: 571.30
JUN 2025: 558.66

↑ 2.3%

PENGUNAAN DOMESTIK

↑ 15.8%


JULAI 2025: 22,446^P tan metrik
JUN 2025: 19,386 tan metrik



STOK

↑ 1.6%


JULAI 2025: 171,061^P tan metrik
JUN 2025: 168,448 tan metrik



IMPORT

JULAI 2025: 56,874^P tan metrik
JUN 2025: 56,398 tan metrik


↑ 0.8%



EKSPORT

JULAI 2025: 37,198^P tan metrik
JUN 2025: 29,719 tan metrik


↑ 25.2%



NEGARA UTAMA

Nota : ↑ ↓ perubahan bulan ke bulan : P = Data awalan : G.M.M. = Getah Mutu Malaysia

PERANGKAAN UTAMA GETAH, MALAYSIA ('000 TAN METRIK)



Sumber: Perangkaan Getah Bulanan Julai 2025, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



Pengeluaran getah asli Malaysia meningkat 36.7 peratus pada Julai 2025

- Pengeluaran getah asli meningkat 36.7 peratus pada bulan Julai 2025 (35,884 tan metrik) berbanding pada bulan Jun 2025 (26,249 tan metrik). Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan pengeluaran getah asli menurun 5.5 peratus (Julai 2024: 37,960 tan metrik). Pengeluaran getah asli Malaysia pada Julai 2025 disumbangkan terutamanya oleh sektor pekebun kecil (86.8%) berbanding sektor estet (13.2%).
- Jumlah stok getah asli pada Julai 2025 meningkat 1.6 peratus kepada 171,061 tan metrik berbanding 168,448 tan metrik pada Jun 2025. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 85.0 peratus diikuti kilang pengguna getah (14.8%) dan estet getah (0.1%).
- Eksport getah asli Malaysia berjumlah 37,198 tan metrik pada Julai 2025, meningkat 25.2 peratus berbanding Jun 2025 (29,719 tan metrik). China terus kekal sebagai destinasi utama untuk eksport getah asli iaitu menyumbang 47.3 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Julai 2025 diikuti Jerman (15.0%), India (6.7%), Amerika Syarikat (6.1%) dan Mesir (3.0%).
- Harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan peningkatan iaitu 2.3 peratus (Julai 2025: 571.30 sen sekilogram; Jun 2025: 558.66 sen sekilogram) manakala Sekerap meningkat sebanyak 4.0 peratus (Julai 2025: 586.68 sen sekilogram; Jun 2025: 564.13 sen sekilogram).

